

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN BAHAWA PEDOMAN EJAAN DAN PEDOMAN PEMBENTUKAN ISTILAH BAHASA MALAYSIA YANG DISEMPURNAKAN AKAN MULA DIGUNAKAN DI SELURUH NEGARA ESOK SEMPENA HARI KEBANGSAAN.

PEDOMAN-PEDOMAN ITU YANG TELAH DUBUKUKAN AKAN DIJUAL KEPADA ORANGRAMAI DAN DIHARAP DAPAT MEMERKEMBANG DAN MEMAJUKAN BAHASA MALAYSIA SELARAS DENGAN CITA-CITA KEBANGSAAN MENJADIKANNYA SEBAGAI BAHASA SAINS DAN TEKNOLOJI.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENGI SYTIHARKAN PENGGUNAAN KEDUA-DUA PEDOMAN ITU DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA HARI INI.

KATANYA, PEDOMAN UMUM EJAAN BAHASA MALAYSIA ITU BUKANLAH SATU SISTEM BARU TETAPI HANYA PANDUAN YANG MENGANDUNGI ATURAN-ATURAN EJAAN DAN KAEDAH PENGEJAAN YANG LEBIH LENGKAP TERMASUK PEMAKAIAN TANDA BACA.

JIKA TERDAPAT PERBEZAAN ANTARA KETENTUAN-KETENTUAN DALAM PEDOMAN ITU DENGAN SISTEM EJAAN BARU BAHASA MALAYSIA TAHUN 1972, KETENTUAN-KETENTUAN YANG TERDAPAT DALAM PEDOMAN ITU HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI YANG TELAH DIPERSETUJUI OLEH KEDUA-DUA NEGARA MALAYSIA DENGAN INDONESIA. --BERSAMBUNG 1400/MD

520:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR 'ڤ'ڤ'ڤ'

PEDOMAN UMUM PEMBENTUKAN ISTILAH PULA IALAH PANDUAN TENTANG CARA-CARA MEMBENTUK ISTILAH DAN PENGEJAANNYA SEBAGAIMANA YANG TELAH DISUSUN OLEH MAJLIS BAHASA INDONESIA-MALAYSIA DAN DIPERSETUJUI BERSAMA OLEH KEDUA NEGARA.

DR. MAHATHIR MENAMBAH, KAJIAN YANG MENDALAM TELAH DIJALANKAN BERSAMA OLEH JAWATANKUASA TETAP BAHASA MALAYSIA DENGAN PANITIA PENGEMBANGAN BAHASA INDONESIA DAN HASILNYA BERKANDUNG DALAM PEDOMAN TERSEBUT.

DENGAN PENGI SYTIHARAN ITU BUKAN SAHAJA DAPAT DI SELARASKAN KERJA-KERJA PEMBENTUKAN ISTILAH DI NEGARA INI TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH MENJALANKANNYA SEKALI GUS DENGAN PIHAK-PIHAK DI INDONESIA.

BELIAU BERKATA, TUJUAN UTAMA DIADAKAN SATU PEDOMAN UMUM ISTILAH BAGI KEDUA-DUA NEGARA IALAH SEBAGAI LANGKAH MENYELARASKAN PEMBINAAN DAN PERTUMBUHAN ISTILAH-ISTILAH ILMU PENGETAHUAN BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INDONESIA.

INI IALAH SEBAGAI LANJUTAN DARI USAHA KERJASAMA DALAM BIDANG BAHASA DAN KEBUDAYAAN ANTARA KEDUA NEGARA. --BERSAMBUNG 1405/MD

521:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 'ڤ'ڤ'ڤ'

PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP BAHASA MALAYSIA, HAJI SUJAK RAHIMAN YANG JUGA KETUA PENGRAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BERKATA, MAJLIS BAHASA INDONESIA-MALAYSIA TELAH MENGADAKAN PERSIDANGAN SEBANYAK ENAM KALI SEJAK DITUBUHKAN PADA AKHIR TAHUN 1972.

RUMUSAN-RUMUSAN MENGENAI USAHA MEMPERLENGKAPKAN SISTEM EJAAN DAN PEDOMAN UMUM PEMBENTUKAN ISTILAH BAGI KEDUA NEGARA DIPERSETUJUI DI PERSIDANGAN KEENAM MAJLIS ITU DI JAKARTA BULAN LALU.

PERSIDANGAN KETUJUH DALAM BULAN FEBRUARI TAHUN DEPAN DI SINI AKAN MENGUSAHAKAN PENYUSUNAN PEDOMAN-PEDOMAN KHUSUS DI BIDANG-BIDANG LAIN SEPERTI ILMU HISAB DAN KAJIHAYAT SERTA PENYUSUNAN DAFTAR-DAFTAR LENGKAP ISTILAH-ISTILAH KIMIA, ILMU ALAM, BAHASA DAN GASTRA.

PERI SYTIHARAN KEDUA-DUA PEDOMAN ITU DIBUAT SERENTAK DI JAKARTA. TURUT HADIR IALAH DUTA BESAR REPUBLIK INDONESIA, JENDERAL TAN SRI MOHAMED HASSAN. --BERNAMA 1410/MD